



SIARAN MEDIA

JABATAN HAL EHWAL VETERAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM, TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2050800

FAKS : 03-26917564

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) telah mengeluarkan kenyataan berikut:-

MAJLIS PENYERAHAN MOCK CHEQUE SUMBANGAN TAHUNAN YAYASAN VETERAN ATM BERJUMLAH RM 50,000 (TAHUNAN) DAN SUMBANGAN KUTIPAN TABUNG MASJID ATM BERJUMLAH RM 17,000 SERTA MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PERTUBUHAN PEMBANGUNAN ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN BEKAS PERAJURIT MALAYSIA DAERAH KULIM, KEDAH.

Kulim, 3 Apr 2023 - Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV), telah hadir menyempurnakan Majlis Penyerahan Mock Cheque Sumbangan Tahunan Yayasan Veteran ATM Berjumlah RM 50,000 (Tahunan) dan Sumbangan Kutipan Tabung Masjid ATM Berjumlah RM 17,000 serta majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim bertempat di **Pertubuhan Anak Yatim, Bekas Perajurit Malaysia Kulim, Kedah.** Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus berkesempatan meraikan dan menyerahkan cenderahati kepada 32 orang anak yatim yang telah hadir dalam majlis ini.

Terdahulu pada 1 & 2 April 2023, Ketua Pengarah JHEV ATM telah melaksanakan Program Peduli Veteran bersama YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan di sekitar Pulau Pinang dan Kedah serta berkesempatan berbuka puasa bersama ahli persatuan-persatuan veteran ATM setempat. Dalam majlis tersebut Timbalan Menteri Pertahanan turut meluangkan masa beramah mesra dengan para veteran yang hadir serta turut menyampaikan sumbangan Ramadan kepada persatuan sebanyak RM 500.00 kepada 20 persatuan yang hadir. Ketua Pengarah JHEV ATM turut menzahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak syarikat dan orang perseorangan yang telah menyumbang ke arah pengumpulan dana ini seperti Yayasan Veteran ATM, pihak ATM khasnya Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) , Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) serta beberapa syarikat lain yang telah memberikan dana sumbangan ini. Sekecil mana pun sumbangan yang diberikan, ia amat bermakna kepada yang memerlukan.

JHEV ATM dan Kementerian Pertahanan sentiasa peka berkenaan kebajikan Veteran ATM bersama keluarga dan akan terus berusaha untuk mencari inisiatif baru dan terus membuat penambahbaikan ke atas skim-skim bantuan sedia ada dalam usaha memperkasakan dan meningkatkan kualiti hidup Veteran ATM dan keluarga.

JHEV ATM mengalu alukan mana mana sektor korporat dan mana mana syarikat atau agensi berkaitan yang ingin menyumbang boleh terus memberi sumbangan melalui Kempen Tabung Pahlawan **AFFIN BANK 1059 5000 3201 (TABUNG RAYUAN HARI PAHLAWAN)**.

Turut hadir sama adalah Lt Kol Azwadi bin Jamian (Bersara), Ketua Pegawai Operasi Yayasan Veteran ATM, dan wakil-wakil persatuan Veteran ATM disekitar negeri Kedah.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **En Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Iyas Zainal Ravi (017-9653755)** atau **BK PNK Nurmazura binti Abd Majid (013-2202817)**, Penyelia Unit Komunikasi Korporat JHEV.

**JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KUALA LUMPUR
3 APRIL 2023**